



"SEMARAKKN ZULHIJJAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ذَلِكَ وَمَن يُعَظِّمْ شَعْئَرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تُؤْتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya mengingatkan kepada diri saya dan hadirin sekalian agar kita sama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Kerana sesungguhnya orang-orang yang benar-benar berjaya di akhirat kelak adalah mereka yang bertakwa kepada Allah SWT.</p>	5
<p>Bersempena dengan kedatangan bulan Zulhijjah yang mulia ini, marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk "SEMARAKKAN ZULHIJJAH."</p>	6
<p>Hadirin yang dirahmati Allah,</p> <p>Bulan Zulhijjah adalah antara bulan yang teristimewa dan teragung di sisi Allah SWT. Ia merupakan salah satu daripada empat bulan haram dalam Islam, seperti mana yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat ke-36:</p> <p style="text-align: center;"> إِنَّ عِدَّةَ الْشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ أُثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةُ حُرُمٌ </p>	7
<p><i>"Sesungguhnya bilangan bulan pada sisi Allah adalah dua belas bulan, dalam ketetapan Allah di waktu dia menciptakan langit dan bumi, antaranya empat bulan haram."</i></p>	8



Empat Bulan Haram yang dimaksudkan daripada ayat tersebut adalah sebagaimana dijelaskan oleh Nabi SAW dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Abi Bakrah RadhiAllahu Anhu:

الزَّمَانُ قَدْ اسْتَدَارَ كَهِيْنَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ثَلَاثٌ مُتَوَالِيَّاتٌ ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمُ وَرَجَبٌ مُضَرِّ الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ

9

"Tahun itu beredar sebagai mana keadaannya sejak Allah menciptakan langit dan bumi. Satu tahun itu ada dua belas bulan. Antaranya ada empat bulan haram. Tiga bulannya berturut-turut iaitu Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharam. (Satu bulan lagi adalah) Rajab yang terletak antara Jumadal Akhirah dan Syaaban."
(Riwayat al-Bukhari).

10

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,

Kemuliaan dan kehormatan bulan Zulhijjah ini dapat dilihat dengan pensyariatan ibadah Haji dan ibadah korban; begitu juga dengan memperbanyakkan zikir, takbir dan tahmid serta amalan-amalan soleh yang lain.

11

Ibnu Abbas RadhiAllahu Anhuma meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ، أَلْعَمَ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ، مِنْ هَذِهِ الأَيَّامِ.

12

"Tidak ada hari di mana amal soleh pada saat itu lebih dicintai oleh Allah SWT daripada hari ini (sepuluh hari pertama dari bulan Zulhijjah)."

(Riwayat al-Bukhari).

Ibnu Umar RadhiAllahu Anhuma juga meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ أَعْظَمَ عِنْدَ اللَّهِ، وَلَا أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنَ الْعَمَلِ فِيهِنَّ مِنْ هَذِهِ الْعَشْرِ، فَأَكْثَرُوا فِيهِنَّ مِنَ التَّهْلِيلِ وَالْتَّكْبِيرِ وَالْتَّحْمِيدِ.

13



<p><i>"Tidak ada hari yang paling agung dan amat dicintai Allah untuk berbuat kebajikan di dalamnya daripada sepuluh hari (Zulhijjah) ini. Maka perbanyakkanlah pada saat itu dengan melakukan tahlil, takbir dan tahmid".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Ahmad).</i></p>	14
<p>Para tetamu Allah sekalian,</p> <p>Justeru antara amalan-amalan soleh yang digalakkan untuk kita amalkan pada bulan ini ialah memperbanyakkan berpuasa terutamanya pada Hari Arafah.</p>	15
<p>Sesungguhnya kelebihan berpuasa secara khusus pada Hari Arafah adalah berdasarkan kepada riwayat daripada Abu Qatadah Radhiallahu Anhu, bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ، أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالَّتِي بَعْدَهُ.</p>	16
<p><i>"Berpuasa pada Hari Arafah, aku mengharapkan pahala daripada Allah dapat menghapuskan dosa-dosa satu tahun yang lalu dan satu tahun yang akan datang."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	17
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Zulhijjah mengajak kita untuk terus bertaqarrub kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan bersedekah, berzikir, bertahlil, beristighfar dan bertaubat kepada Allah SWT di samping meninggalkan segala maksiat dan dosa. Selain daripada ibadah-ibadah sunat tersebut, umat Islam juga disunatkan untuk bertakbir bermula selepas solat Subuh 9 Zulhijjah sehingga tenggelam matahari pada 13 Zulhijjah.</p>	18
<p>Hadis daripada Ali dan Ammar Radhiallahu Anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">كَانَ يُكَبِّرُ مِنْ يَوْمِ عَرَفَةَ صَلَاةَ الْغَدَاءِ، وَيَقْطَعُهَا صَلَاةَ الْعَصْرِ، آخِرَ أَيَّامِ التَّشْرِيقِ</p>	19



<p>"Baginda SAW sentiasa bertakbir pada Hari Arafah selepas solat Subuh dan menghentikan selepas solat Asar hari terakhir bagi Hari-hari Tasyriq." (Riwayat al-Hakim).</p>	20
<p>Takbir ini hendaklah dilakukan secara jahar (bacaan nyaring) sebagai meninggikan syiar kaum Muslimin. Waktu Takbir Muqayyad bagi hari Raya Eidul Adha (عِنْدُ الْأَضْحَى) bermula pada waktu Subuh Hari Arafah sehingga tenggelam matahari pada Hari Tasyriq yang ketiga. Ertinya, apabila masuk waktu Subuh 9 Zulhijjah, disunatkan bagi orang yang tidak pergi menunaikan Haji untuk bertakbir setiap kali selesai menunaikan solat fardhu dan sunat sehingga waktu Asar 13 Zulhijjah menjadikan waktu bertakbir itu 5 hari 4 malam.</p>	21
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini marilah kita memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa mengagungkan hari-hari kebesaran Islam termasuklah bulan Zulhijjah adalah tanda keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.2. Umat Islam diseru supaya mengisi kedatangan bulan Zulhijjah ini dengan pelbagai amalan soleh seperti solat berjemaah di masjid, memperbanyakkan membaca al-Quran, mengeratkan hubungan silaturrahim, menjauhi fitnah dan adu domba.3. Umat Islam hendaklah sentiasa beriltizam untuk melaksanakan amal soleh dengan penuh keikhlasan kepada Allah SWT.	22
<p style="text-align: center;">اَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ اُتْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحَسِّنَنَّهُ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنُجَزِّئَنَّهُ أَجْرَهُمْ بِاَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ</p>	23
<p>"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya Kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan."</p>	24
<p style="text-align: right;">(al-Nahl : 97).</p>	



<p>بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ وَتَقْبَلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	25
<p>أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	26



KHUTBAH KEDUA

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَيْ يَوْمِ الْدِينِ。أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	2
<p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِفُ إِلَيْهِ الْمُؤْمِنُونَ صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا.</p>	3
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	4
<p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ。اللَّهُمَّ أَعِزَّ إِلَيْكَ الصِّلَاةَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفَّرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَنْتَ حَفَظَ بِعِينِ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّكَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ،</p>	6
<p>سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ。اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُوْ أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ</p>	7
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلَّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَىِ وَالرَّشَادِ.</p>	8



9	Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.
10	Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.
11	Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.
12	<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعِيْنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ</p>
13	<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحَسَنَ وَإِيتَاهُ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ</p>
14	<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>